

# UPM temui ekstrak herba rawat kanser

Oleh **Badrila Jamlus**

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat penemuan baru dalam bidang perubatan apabila berjaya mengenal pasti sejenis ekstrak berasaskan herba yang berpotensi merawat kanser.

Penemuan julung kali ekstrak dikenali sebagai ASB001 itu adalah hasil awal penyelidikan selama tiga bulan oleh Jabatan BioPerubatan Sains, Fakulti Perubatan dan Kesihatan Sains UPM yang diketuai Dr

Johnson Stanlas.

Sumber ekstrak itu diperolehi daripada Autoimmune Sdn Bhd (Autoimmune), syarikat pyto-farmaseutikal yang terbabit dalam penyelidikan, penemuan dan formula komponen aktif dalam tumbuhan bagi tujuan perubatan.

Dr Stanlas berkata, Autoimmune membekalkan sembilan jenis ekstrak herba berasaskan air untuk diuji selama tiga bulan di makmal ujian jabatan itu dan mengenal pasti ASB001 sebagai ekstrak yang berpotensi membunuh sel dan melam-

batkan pertumbuhan sel kanser payu dara.

"Kami menjalankan penyaringan ekstrak herba terhadap tiga jenis sel kanser iaitu barah paru-paru, barah prostat dan payu dara, untuk mengenal pasti aktiviti antikanser menerusi kaedah in-vitro yang mana ia membabitkan proses mengasingkan sebatian aktif daripada herba ini.

"Ujian awal in-vitro mendapati ekstrak ini mampu merencat dan melambatkan pertumbuhan sel kanser payu dara dan tidak menunjukkan kesan toksid seperti proses

penurunan berat badan," katanya pada sidang media mengumumkan kejayaan penemuan ekstrak itu di UPM semalam.

Pada majlis itu, Pengarah Perhubungan Awam dan Antarabangsa UPM, Prof Dr Mohd Ali Rajion menyerahkan laporan suku pertama ujian ekstrak itu kepada Pengarah Urusan Autoimmune, Patriek Yeoh.

Dr Stanlas berkata, hasil ujian ASB001 itu akan dihantar ke makmal ujian milik syarikat Amerika Syarikat yang berpangkalan di Taiwan bagi menjalani ujian in-vivo

membabitkan haiwan.

Ujian selama dua bulan itu penting bagi melihat keberkesanan ekstrak itu terhadap haiwan yang membawa sel barah, sebelum produk itu boleh diisytiharkan mempunyai kesan antikanser.

Beliau berkata, penyelidikan berasaskan perubatan herba lebih mudah dijalankan berikutan molekul atau komponen herba mudah diasingkan berbanding kaedah perubatan moden.

**LIHAT MUKA 2** ►